

22 AUG 1998

BSKL-MINGGUAN/I

BSKL TINJAU PERKEMBANGAN SERANTAU BAGI PETUNJUK MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perkembangan serantau akan menjadi faktor penentu bagi arah pergerakan pasaran saham tempatan minggu depan.

Pelabur-pelabur dijangka mengambil sikap berhati-hati dan menerima pakai pendekatan tunggu dan lihat berikutan kemungkinan kelemahan seterusnya dalam asas-asas serantau.

"Pasaran dijangka lengang apabila pelabur-pelabur memilih untuk tidak memasuki pasaran, manakala harga dijangka tidak berubah ditambah dengan kegiatan jualan sederhana," kata seorang peniaga.

Beliau berkata Indeks Komposit Kuala Lumpur (BSKL) akan menikmati sokongan kukuh pada paras indeks 300 mata tetapi ia akan bergantung kepada had tekanan jualan.

Mata wang dan perkembangan bursa serantau akan terus membebani sentimen pasaran dengan perhatian ditumpukan kepada yen yang lemah kepada paras 144.25 berbanding dengan dolar Amerika pada Jumaat.

"Pelabur-pelabur juga akan meninjau ke pasaran saham Hong Kong yang menerima rangsangan daripada belian saham oleh kerajaan," tambah seorang peniaga lain.

Di dalam negeri, pasaran kekurangan asas dan meninjau ke arah lebih banyak petunjuk bagi langkah-langkah yang akan diambil untuk merangsangkan ekonomi.

Bagi minggu yang baru berakhir, kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan mungkin membeli saham untuk merangsangkan pasaran saham telah mencetuskan kegiatan belian besar-besaran pada Rabu dan Khamis.

Bagaimanapun, ia turun semula pada Jumaat apabila pelabur-pelabur mula menjual saham mereka selepas pasaran saham serantau jatuh berikutan kejatuhan 80 mata di Wall Street pada Khamis.

Indeks Komposit yang mengukur 100 saham berkualiti ditutup pada 324.06, bagi penurunan 3.92 mata berbanding dengan 327.98 pada penutupan Jumaat lalu.

Sementara itu, Indeks Emas turun 0.24 mata kepada 84.44, Indeks Perusahaan jatuh 17.12 mata kepada 669.56, tetapi Indeks Papan Kedua naik 2.29 mata kepada 79.61.

Jumlah dagangan Papan Utama minggu ini meningkat kepada 1.024 bilion saham bernilai RM1.424 bilion daripada 523.682 juta saham bernilai RM851.167 juta pada minggu lalu.

Jumlah dagangan Papan Kedua naik kepada 45.084 juta saham bernilai RM43.485 juta daripada 17.660 juta saham bernilai RM20.056 juta sebelumnya.

Bagaimanapun, urusan luar pasaran menurun kepada 11.425 juta saham bernilai RM20.982 juta daripada 13.216 juta saham bernilai RM38.167 juta minggu lalu.

MBf Capital adalah saham paling cergas dengan 62.498 juta saham diniagakan dan ia ditutup 10 sen lebih tinggi minggu ini pada 42 sen.

Saham cergas lain termasuklah Technology Resources Industries (dengan 44.078 juta saham diniagakan) di mana dua sen lebih tinggi pada 77 sen, Sime Darby (41.591 juta saham) jatuh 16 sen kepada RM1.94, Magnum (41.002 juta) menambah 10 sen kepada 91 sen, Tenaga Nasional (34.193 juta) turun 15 sen kepada RM2.35, RHB Capital (31.208 juta) naik 16 sen kepada RM1.00, United Engineers (30.112 juta) menambah lapan sen kepada 94 sen, Nylex (21.638 juta) susut satu sen kepada 63 sen, Renong (20.022 juta) naik 10 sen kepada 39 sen dan Telekom (18.636 million) jatuh 20 sen kepada RM6.10.

Mengikut sektor di Papan Utama, barangan pengguna menyumbang kepada 38.613 juta saham diniagakan, barangan perusahaan 100.596 juta, pembinaan 78.710 juta, perdagangan/perkhidmatan 356.219 juta, IPC 6.159 juta, kewangan 254.159 juta, hotel 3.908 juta, harta 92.273 juta, perladangan 32.537 juta, perlombongan 3.121 juta, amanah 468,000, dana tertutup 295,000, pinjaman 11.738 juta dan TSR/warrant 44.848 juta saham.

Di Papan Kedua, barangan pengguna menyumbang kepada 10.104 juta saham diniagakan, barangan perusahaan 10.665 juta, pembinaan 13.528 juta, perdagangan/perkhidmatan 8.796 juta, kewangan 284,000, pinjaman 26,000 dan TSR/warrant 1.681 juta.

-- BERNAMA

MSL ZK